

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
INSTITUT TEKNOLOGI PERAK, IPCH

MOHD NAJIB BIN AHMAD SALIMY  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045561

Perpustakaan  
Fakulti Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 23 FPE 2 2006



1100045561

# Laporan akhir latihan industri di Institut teknologi Perak, Ipoh / Mohd Najib Ahmad Salimy.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045561

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Mohd Najib bin Ahmad Salimy**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang saya pelajari semasa menjalani Latihan Industri semata mata. Dimaklumkan disini, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Yang benar,



Nama : MOHD NAJIB BIN AHMAD SALIMY

Tarikh : 14 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh :



Penyelia KUSTEM,

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyediaan laporan ini. Laporan ini terhasil di atas kerjasama yang tidak ternilai yang diberikan oleh semua staff di Institut Teknologi Perak, Ipoh dan ia membuktikan bahawa saya telah melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar yang menjalani latihan industri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak kolej universiti.

Dalam menghasilkan laporan industri ini memerlukan tahap kesabaran dan ketekunan yang tinggi kerana ia melibatkan banyak pihak secara amnya. Dengan ini setinggi penghargaan diberikan kepada Institut Teknologi Perak kerana sudi memberi peluang kepada saya menjalani latihan industri selama 12 minggu. Terutamanya Encik Abdul Mutalib bin Hj. Suratman yang telah memberi reaksi positif sejak awal latihan. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan Institut Teknologi Perak yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar dan ilmu kepada pelatih. Mereka inilah yang banyak membantu pelatih dari segala hal sehingga pelatih dapat melakukan hampir kesemua tugas yang diberikan dengan sempurna, dari yang kecil sehingga yang besar. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia unit latihan industri, Pn. Ismar Liza Mahani binti Ismail serta para pensyarah Kolej Universiti

Sains dan Teknologi Malaysia kerana telah memberikan garis panduan kepada pelatih dalam menyempurnakan latihan industri ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat. Tanpa sokongan semua pihak, tidak mungkin laporan ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

MOHD NAJIB BIN AHMAD SALIMY

UK 10008

SARJANA MUDA PENGURUSAN (POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latarbelakang Institut Teknologi Perak	1
1.2 Maklumat Institut Teknologi Perak	2
1.2.2 Visi Institut Teknologi Perak	4
1.2.3 Misi Institut Teknologi Perak	5
1.2.4 Objektif Syarikat	5
1.3 Carta Organisasi ITP	6
1.4 Aktiviti Syarikat	
1.4.1 Usahasama	7
1.4.2 Badan-Badan Pengiktiraf	7
1.4.3 Penajaan Pelajaran	7
1.5 Kampus Baru	9
1.6 Program Yang Ditawarkan	9
1.7 Kekuatan ITP	
1.7.1 Kelebihan Belajar Di ITP	16
1.7.2 Sekolah	16
1.7.3 Kemudahan	17
1.7.4 Perkhidmatan	19
1.8 Pencapaian ITP Semenjak Ditubuhkan	20

## BAB 2 SISTEM YANG SEDIA ADA

2.1 Sistem Pengambilan Pelajar	22
2.1.1 Pengenalpastian Masalah	25
2.1.2 Cadangan Penyelesaian	26
2.2 Sistem Pembayaran Yuran Pelajar (Pelajar Baru)	27
2.2.1 Pengenalpastian Masalah	30
2.2.2 Cadangan Penyelesaian	30
2.3 Sistem Permohonan Pinjaman Pelajar	31
2.3.1 Pengenalpastian Masalah	33
2.3.2 Cadangan Penyelesaian	34
2.4 Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan	34

## BAB 3 KESIMPULAN

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Senarai nama pemegang saham ITP	3
Senarai ahli lembaga pengarah ITP	3
Senarai Penasihat Akademik	4
Carta organisasi ITP	6
Jumlah penaja pinjaman kewangan untuk pelajar ITP	8
Program yang ditawarkan di ITP	15
Sistem Kerja Pengambilan Pelajar	24
Sistem Pembayaran Yuran Pelajar (Pelajar Baru)	29
Sistem Permohonan Pinjaman Pelajar	32

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) yang diwajibkan terhadap semua siswazah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi merupakan salah satu komponen penting untuk memastikan setiap siswazah akan dapat menamatkan pengajian mereka dengan mempunyai sedikit sebanyak pengalaman yang telah dipelajari dan dirasai semasa latihan ini dijalankan. Selain itu, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam secara praktikal yang selama ini pelatih hanya mempelajari secara teori sahaja. Pelatih telah didedahkan dengan keadaan atau suasana kerja yang sebenar serta pendedahan di dalam aspek kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang pelatih pelajari di KUSTEM. Sepanjang penempatan pelatih di Institut Teknologi Perak, pelatih telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk melakukan kerja kerja harian yang dilakukan oleh pekerja pekerja lain. Syarikat ini melibatkan diri dalam bidang pendidikan di mana institut ini menyediakan perkhidmatan pendidikan. Pelatih juga telah cuba sedaya upaya untuk mengenalpasti 3 sistem kerja yang boleh dikatakan penting. 3 sistem kerja tersebut ialah sistem kerja pengambilan pelajar, sistem pembayaran yuran pelajar (pelajar baru) dan sistem permohonan pinjaman pelajar. Setiap sistem kerja yang dinyatakan tadi mempunyai beberapa masalah yang dapat pelatih kesan. Bagi setiap masalah yang dinyatakan pastinya akan berakhir dengan cadangan penyelesaian dan pelatih cuba memberi pendapat dan pandangan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Di sini pelatih juga ingin menyatakan yang tidak semua masalah yang timbul disebabkan oleh syarikat, tetapi ada juga yang disebabkan oleh tanggapan dan buah fikiran dari pelatih sendiri. Akhir kata, pelatih ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Institut Teknologi Perak kerana telah sudi memberikan tempat kepada pelatih untuk mengaplikasikan segala teori yang dibelajar. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan laporan akhir ini.